

Berhenti kerja bina jenama Dairy Go

Norazura milik 10 buah syarikat usaha sama dengan selebriti, ikon media sosial

- Berita Harian
- 3 Sep 2018
- Oleh Alzahrin Alias zahrin@nstp.com.my



Norazura berbincang dengan kakitangan.

Ketika mengambil keputusan berhenti kerja walaupun pekerjaannya itu menawarkan gaji lumayan semata-mata ingin menumpukan lebih perhatian kepada keluarga, walaupun dianggap berisiko, tetapi ia memberikan kepuasan kepada Norazura Md Posdzi.

Pada mulanya Norazura hanya ingin menjadi suri rumah sepenuh masa, menguruskan keperluan harian suami dan anak dan langsung tidak terlintas di fikirannya untuk menjadi seorang usahawan wanita.

Namun, perancangannya itu sedikit berubah apabila salah seorang rakan mengajak beliau menjalankan perniagaan bersama dalam bidang kosmetik.

“Rakan saya ini dahulu adalah pelanggan saya ketika bekerja dalam bidang pengiklanan dan pemasaran. Bila dia dapat tahu saya sudah berhenti, dia ajak saya jadi rakan kongsi berniaga.

“Mulanya rasa tak yakin tetapi disebabkan saya berpengalaman dalam bidang pengiklanan, pemasaran dan penjenamaan, saya setuju dengan cadangannya itu.

“Kami ketika itu menjual produk kecantikan wanita, tidak sangka hanya dalam enam bulan jualan kami boleh mencecah ratusan ribu ringgit. Selepas itu saya mula mengorak langkah dalam bidang perniagaan sebagai usahawan wanita,” katanya.

Pilih syarikat usaha sama

Norazura berkata, pada mulanya dia hanya ingin memberikan khidmat nasihat dan perancangan perniagaan, terutama dalam pemasaran tetapi dia mengubah strateginya itu kepada usaha sama.

Sehingga kini, Norazura sudah mempunyai hampir 10 buah syarikat usaha sama dengan beberapa selebriti dan ikon media sosial.

Beliau berkata, syarikat usaha sama sebegini memberikannya lebih kepuasan dalam menjalankan segala urusan perniagaan berbanding hanya menjadi perunding perniagaan.

“Segala kerja dan urusan mengenai perniagaan atau produk diuruskan oleh saya bersama pekerja seramai lebih 30 orang.

“Ini memudahkan saya dan rakan kongsi untuk mengawal pergerakan jualan kami dan menyusun strategi perniagaan,” katanya.

Selama ini, Norazura banyak menumpukan kepada produk kecantikan dan kosmetik sehinggalah tahun ini dia menumpukan kepada produk berasaskan minuman.

Dikenali sebagai Dairy Go, ia menampilkan kelainan apabila menggunakan pembungkusan yang terkini untuk air teh tarik.

Juga menubuhkannya bersama dua lagi rakan kongsi, Dairy Go ibarat bayi kepada Norazura kerana bukan mudah untuk memasarkan dan menjual produk minuman seperti ini.

“Teh tarik selalunya orang minum di kedai tetapi kita bawa pembaharuan dalam pembungkusan yang terkini, mudah dan senang dibawa.

“Ini sebenarnya percubaan pertama kami dalam bidang makanan dan minuman. Hampir setahun juga kami jalankan penyelidikan dan pembangunan bagi produk ini.

“Ada beberapa jenis air yang kami ingin buat tetapi akhirnya kami pilih teh tarik sebab ia adalah minuman paling popular di Malaysia, selain semua orang gemarkannya,” katanya.

Tumpu pemasaran perkenaljenama

Namun, seperti perniagaannya yang lain, cabaran pasti akan datang. Begitu juga dengan produk Dairy Go, cabarannya datang daripada pemasaran dan memperkenalkan produknya itu kepada pengguna.

Tidak ramai yang berani mencuba produk baharu sebegini, lantaran itu Norazura menumpukan sepenuhnya kepada pemasaran.

“Tidak apa kalau kita tidak dapat untung terlebih dahulu asalkan produk kami ini dikenali semua orang. Lagipun tiada lagi produk teh tarik dalam bungkusan senang dibawa seperti ini.

“Bila kita bersungguh, ia pasti akan membuahkan hasil. Dalam tiga bulan kami keluarkan produk Dairy Go, syarikat sudah dapat menjual lebih 100,000 bungkus.

“Boleh dikatakan hampir 80 peratus jualan kami adalah melalui dalam talian. Hanya guna media sosial sahaja kami dapat jual produk ini.

“Ada yang tidak percaya betulkah produk makanan sebegini boleh dijual dalam talian. Jawapan saya cuba dulu baru anda tahu betul atau tidak.

“Trend kini semuanya nak senang dan mudah. Jualan melalui dalam talian adalah medium paling pantas dan mudah untuk mendekati pelanggan.

“Saya selalu pesan kepada usahawan muda di luar sana atau mereka yang ingin menjadi usahawan. Gunakan peluang yang ada sebaik mungkin. Kita kini sudah ada media sosial, gunakan sepenuhnya dalam meningkatkan perniagaan,” katanya.

Trend kini semuanya nak senang dan mudah. Jualan melalui dalam talian adalah medium paling pantas dan mudah untuk mendekati pelanggan. Saya selalu pesan kepada usahawan muda di luar sana atau mereka yang ingin menjadi usahawan. Gunakan peluang yang ada sebaik mungkin. Kita kini sudah ada media sosial, gunakan sepenuhnya dalam meningkatkan perniagaan” Norazura Md Posdzi, Pengasas Dairy Go